

Syed Abdul Razak Sayed Mahadi, Ain Shafiqah Mohd Nizan & Azhar Ab Wahab  
**Kajian Persepsi Kecekapan Berbahasa Melayu Dalam Kalangan Warga Asing Bangladesh Yang Terlibat Dalam Sektor PERNIAGAAN**

**KAJIAN PERSEPSI KECEKAPAN BERBAHASA MELAYU DALAM KALANGAN  
WARGA ASING BANGLADESH YANG TERLIBAT DALAM SEKTOR  
PERNIAGAAN**

***A STUDY ON PERCEPTION ON THE MALAY LANGUAGE PROFICIENCY AMONG  
BANGLADESHI MIGRANTS WHO ARE INVOLVED IN THE BUSINESS SECTOR IN  
KUALA LUMPUR***

**Syed Abdul Razak Sayed Mahadi<sup>1</sup>, Ain Shafiqah Mohd Nizan<sup>2</sup>, Azhar Ab Wahab<sup>3</sup>**

<sup>1</sup>&<sup>2</sup>Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial

Universiti Malaya

<sup>1</sup>syedabdrzak@um.edu.my

<sup>2</sup>ainshafiqah.mn@gmail.com

<sup>3</sup>Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa

Universiti Teknologi MARA

azhar959@uitm.edu.my

*Article history:*

*Received: 30 September 2020*

*Accepted: 30 May 2021*

*Published: 10 June 2021*

**ABSTRAK**

Keterbukaan negara Malaysia menyambut baik kehadiran warganegara asing untuk membantu meningkatkan ekonomi negara mendapat perhatian khususnya warga Bangladesh yang sentiasa menunggu peluang. Kehadiran pekerja warga Bangladesh diakui membantu negara memenuhi kuota kerja kosong dalam pelbagai sektor seperti perladangan, pembinaan, perkhidmatan dan perindustrian. Pengalaman kerja yang membawa kepada tempoh matang di negara Malaysia mencetuskan perubahan anjakan paradigma daripada pekerja kepada peniaga. Penghijrahan ke negara Malaysia mendesak diri mereka untuk mempelajari bahasa Melayu demi kelangsungan hidup. Bukan itu sahaja, kecekapan dalam berbahasa Melayu juga memberi nilai tambah dalam diri mereka untuk merasa selesa, selamat dan berjaya. Kajian ini bertujuan untuk melihat persepsi kecekapan warganegara Bangladesh mengadaptasi penggunaan bahasa Melayu sebagai medium komunikasi utama berdasarkan hubungan tahap pendidikan peniaga warga Bangladesh melalui aspek 1) bertutur, 2) membaca dan 3) menulis. Kajian juga turut ingin menilai kepentingan penggunaan bahasa Melayu di kalangan peniaga warga Bangladesh dalam urusan perniagaan. Dengan mengambil pendekatan

*Mixed Methodology*, satu kaji selidik telah dijalankan secara kuantitatif menggunakan instrumen borang soal selidik ke atas seramai 56 orang responden secara *Purposive Sampling* manakala kaedah kualitatif digunakan kepada 10 orang informan untuk temu bual mendalam (*in-Depth Interview*) ke atas migran warganegara Bangladesh yang terlibat dalam bidang perniagaan di sekitar Kuala Lumpur. Kecekapan dalam bahasa Melayu sememangnya penting untuk dikuasai oleh warganegara Bangladesh yang ingin berkerja di negara ini, hal ini adalah bagi memastikan strategi kelangsungan hidup mereka terus terjamin dan kekal meraih hujan emas di negara Malaysia.

**Kata kunci:** *migran asing, bahasa Melayu, Perniagaan warga asing, strategi kelangsungan, ekonomi migran, Kecekapan bahasa, Persepsi bahasa*

### **ABSTRACT**

*Malaysia whom with open arms welcomes foreigners to help develop its economy catches the attention of especially the Bangladeshis who are looking for opportunities. Undoubtedly, the presence of Bangladeshis has helped in filling in the vacancies in many sectors such as plantation, construction, services and manufacturing. Their work stint and experience gained leads to a paradigm shift, from an employee to an entrepreneur. Migration to Malaysia requires them to learn and acquire the Malay language for survival. In addition, proficiency in the Malay language is an added value as it makes them feel contented, secure and successful. This study aims to look at the perception on the proficiency of the Bangladeshi entrepreneurs who are adapting the Malay language as the main medium of communication. The relation between levels of education and proficiency in 1) speaking, 2) reading and 3) writing is analysed. This study also evaluates the importance of the Malay language usage among Bangladeshis in managing businesses. Taking a Mixed Methodology approach, a quantitative study was conducted using a questionnaire as a tool on 56 respondents who were selected using Purposive Sampling; while, qualitative method was used on 10 informants for in-Depth Interview on Bangladeshi migrants who were involved in business field around Kuala Lumpur. Surely, it is crucial for Bangladeshis who wish to work in this country to be proficient in the Malay language. This is to ensure their survival strategy is sustained, allowing them to tap a gold mine in Malaysian soil.*

**Keywords:** Migrants, Malay language, Migrants' businesses, Survival strategy, Migrants' economy, Language proficiency, Perception on language

## **PENGENALAN**

Perkembangan ekonomi Malaysia terutama sekitar lewat tahun 1990-an telah mewujudkan banyak peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor. Pekerja warganegara asing dari Bangladesh merupakan antara warga teramai di negara Malaysia iaitu sebanyak 28.21% daripada keseluruhan bilangan yang berdaftar. Pada tahun 2011, dilaporkan seramai 6.1% isi rumah di negara Bangladesh mempunyai sekurang-kurangnya seorang ahli keluarga berhijrah ke luar negara untuk bekerja yang melibatkan sejumlah 9.25 juta orang

(Bangladesh Bureau of Statistics, 2018). Faktor tolakan warganegara Bangladesh ke negara Malaysia antaranya disebabkan oleh kemiskinan di negara mereka. Oleh yang demikian, satu tindakan bermigrasi merupakan satu pilihan keputusan untuk mengubah kualiti kehidupan kepada yang lebih baik (Dang, 2003; Skeldon, 1997).

Berdasarkan statistik pekerja warganegara asing (Portal Data Terbuka Malaysia, 2019) mengikut sektor pada Jun 2019, jumlah pekerja warga Bangladesh di Malaysia adalah seramai 568,929 (28.41%) daripada jumlah keseluruhan 2,002,427 dan merupakan warga asing kedua terbesar di Malaysia. Jumlah majoriti pekerja warganegara Bangladesh menunjukkan negara Malaysia masih lagi kekal menjadi destinasi pilihan mereka untuk mencari sumber pendapatan. Hal ini menunjukkan bahawa warganegara Bangladesh selesa berkerja di negara Malaysia disebabkan oleh perkongsian nilai budaya Islam dan merasa selesa mengadakan pelbagai majlis sosial (Uddin & Mohamed, 2020). Selain itu, walaupun terdapat jurang perbezaan antara bahasa Melayu dan bahasa Benggali tetapi warga Bangladesh yang telah tinggal berkerja di negara Malaysia mampu berbahasa Melayu dengan baik. Usaha dalam mempelajari bahasa Melayu juga adalah disebabkan faktor kerja dan kelangsungan hidup di negara perantau.

Kecekapan berbahasa Melayu dalam kalangan warganegara Bangladesh bukan menjadi suatu masalah bagi mereka, selain daripada faktor desakan kerja ia juga turut dibantu oleh faktor persekitaran mereka disebabkan oleh asimilasi budaya Malaysia. Walaupun penggunaan bahasa Melayu yang digunakan tidak menepati ciri-ciri bahasa yang standard tetapi mereka menggunakan bahasa atau perkataan yang ringkas dan mudah difahami oleh warga tempatan khususnya. Meskipun warga Bangladesh menggunakan bahasa Melayu sebagai medium komunikasi (bertutur) utama, kecekapan membaca dan menulis juga diambil kira untuk memenuhi sebahagian keperluan hidup mereka di negara Malaysia.

## **KAJIAN LITERATUR**

Kajian oleh Sultana (2009) mendapati penghijrahan secara formal di negara Malaysia telah bermula pada tahun 1986 melalui perjanjian antara kerajaan Malaysia dan Bangladesh dengan kemasukan seramai 530 orang pekerja ladang. Sejak tahun 1994, beberapa siri Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani oleh kedua-dua negara bagi pembekalan tenaga kerja warga Bangladesh ke negara Malaysia. Melalui perjanjian yang telah disepakati kedua buah negara, kerajaan Bangladesh akan mengeksport tenaga kerja ke negara Malaysia seramai 50,000 orang pekerja pada setiap tahun bagi industri pembinaan (Islam dan Miah, 2003). Urusan pengambilan pekerja dari negara Bangladesh tidak mempunyai sebarang masalah kerana kedua-dua negara ini telah lama mempunyai hubungan diplomatik sejak negara Malaysia

mengisytiharkan negara Bangladesh pada 31 Januari 1971 lagi. Sumber *United Nations* (2015) mengenal pasti seramai 7.8 juta warga Bangladesh bekerja di luar negara dan negara Malaysia merupakan negara ke-4 daripada 10 negara utama yang menjadi pilihan mereka dengan jumlah sebanyak 552,005 orang.

Penglibatan migran warga Bangladesh dalam sektor perkhidmatan semakin menjadi kebiasaan apabila mereka sering dilihat bekerja di pasar raya, kedai makan dan premis perniagaan. Berdasarkan Data Statistik Terbuka Malaysia (Jun 2019), penglibatan warga Bangladesh dalam sektor perkhidmatan meningkat sebanyak 10% pada tahun 2019 berbanding tahun sebelumnya. Antara pekerjaan dalam sektor perkhidmatan yang sering mereka ceburi ialah tukang masak, pembantu jualan, *janitor*, pengawal keselamatan, tukang jahit dan sebagainya. Penggajian mereka kini bukan hanya tertumpu kepada pekerjaan yang tidak diminati oleh pekerja tempatan malah telah menjadi pilihan kebanyakan majikan memandangkan mereka bersedia untuk bekerja lebih masa dan melakukan kerja-kerja yang menawarkan gaji yang rendah (Kanapathy, 2004). Namun begitu, pekerja warga asing daripada negara Bangladesh tidak menjadi pilihan utama majikan dalam sektor pembinaan berbanding pekerja asing warga Indonesia kerana kurang berkemahiran, kekangan bahasa dan masalah komunikasi yang dihadapi oleh mereka (Abdul Rashid & Abdul Aziz, 2001; Zolkafli@Zulkifly, 2019). Bagi memudahkan kelangsungan hidup dan menjalankan pekerjaan mereka, pekerja asing warga Bangladesh di negara ini perlu cuba mempelajari bahasa Melayu untuk berkomunikasi dengan majikan dan penduduk tempatan secara amnya.

Peningkatan pekerja warga Bangladesh tahun demi tahun sudah semestinya membuktikan bahawa adaptasi terhadap aspek bahasa, makanan dan gaya hidup di Malaysia merupakan sesuatu yang boleh diterima dalam kalangan mereka. Memandangkan tujuan utama penghijrahan mereka di negara Malaysia adalah mencari peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup maka perbezaan bahasa bukan menjadi penghalang utama. Penghijrahan juga telah mengasimilasikan diri mereka dalam mempelajari bahasa Melayu secara tidak formal demi menyesuaikan diri dengan masyarakat tempatan. Ini juga disokong oleh Baharudin (2014) ia juga turut disebabkan oleh keinginan individu, persekitaran tempat tinggal, rakan-rakan dan sebagainya. Sungguhpun mereka sedar akan wujudnya jurang antara bahasa Benggali dengan bahasa Melayu tetapi mereka tetap menjadikan negara Malaysia sebagai pilihan destinasi pertama.

Pembelajaran bahasa Melayu secara tidak formal lebih mudah diadaptasi memandangkan tahap pendidikan mereka yang rendah (Sarker, 2015). Kaedah pembelajaran bahasa Melayu secara tidak formal adalah melalui komunikasi bersama majikan, rakan-rakan dari rakyat tempatan dan pasangan mereka dari warga tempatan (Sultana, 2009). Berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh Bangladesh Bureau of Statistics pada tahun 2018 sebanyak 12.11% daripada warga Bangladesh yang berhijrah ke negara Malaysia adalah buta

huruf, 11.39% telah tamat belajar sekolah rendah, 11.64% tamat sekolah menengah, 7.41% dengan sijil menengah atas dan 3.68% lagi mendapat pendidikan lebih tinggi daripada menengah atas. Daripada statistik ini juga, terdapat pekerja asing warga Bangladesh yang berhijrah ke negara Malaysia tidak mendapat sebarang pendidikan secara formal.

Kajian (Ullah, 2016) juga mendapati bahawa majoriti responden migran warga Bangladesh yang bekerja di negara Malaysia menilai diri mereka sebagai fasih berbahasa Melayu. Responden turut menyatakan kepentingan mempunyai kemahiran bahasa Melayu untuk mengurangkan stres akibat masalah komunikasi terutama dengan pengamal perubatan ketika melakukan pemeriksaan atau untuk mendapatkan rawatan. Pada sekitar tahun 1990-an, kehadiran migran warga Bangladesh di Malaysia mula mendapat perhatian masyarakat tempatan. Mereka mula bekerja di stesen-stesen minyak di bandar-bandar besar dan pertanyaan seperti ‘baru, lama’ atau ‘merah, hijau’ akan ditanya kepada pemandu yang ingin mengisi petrol untuk merujuk kepada petrol tanpa plumbum dan petrol berplumbum. Telatah warga Bangladesh dalam mempelajari bahasa Melayu sering menjadi bahan cerita dalam naskah komik atau lakon semula dalam sitkom televisyen yang menunjukkan bagaimana adaptasi pekerja migran warga Bangladesh dalam mempelajari bahasa tempatan untuk bekerja di negara Malaysia.

Bukan itu sahaja, migran warga Bangladesh di negara Malaysia juga boleh berkomunikasi dalam bahasa Melayu serta bahasa tempatan yang lain seperti bahasa Mandarin dan bahasa Tamil. Terdapat juga migran warga Bangladesh yang bekerja di kawasan tumpuan pelancong seperti Bukit Bintang yang fasih berbahasa Arab, Hindi, Urdu dan Persia kerana interaksi bersama pelancong asing di kawasan tersebut (Muniandy, 2015a, 2015b; Sarker, 2015). Ini menunjukkan migran warga Bangladesh mempunyai kemahiran untuk menguasai bahasa asing bagi tujuan *survival* di negara ini.

Tambahan pula, persamaan etika dan nilai kesantunan antara masyarakat Melayu dan Bangladesh dalam menitikberatkan budaya budi bahasa seperti menghormati orang yang lebih tua, dilihat lebih serasi dan ditonjolkan dalam penggunaan bahasa oleh peniaga warga Bangladesh. Sapaan ‘abang dan kakak’ yang sering digunakan terhadap pembeli sebagai tanda hormat menjadi salah satu faktor yang menyebabkan warga tempatan senang berurusan dengan pengusaha perniagaan warga Bangladesh. Bukan itu sahaja, migran warga Bangladesh Muslim juga tidak kekok untuk bergaul dengan warga tempatan beragama Islam kerana berkongsi satu kepercayaan dan cara hidup yang sama. Persamaan ini tidak menyebabkan migran warga Bangladesh terasa asing tinggal di negara Malaysia malah praktik amalan agama Islam seperti solat Jumaat, berpuasa dan perayaan merupakan cara hidup yang sama seperti di negara sendiri.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Kajian ini melihat kepada penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara amat penting dipelajari oleh warga asing yang berhasrat untuk berkerja di negara Malaysia. Ini kerana perlembagaan Malaysia meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan menjadi saluran komunikasi utama digunakan oleh seluruh rakyat Malaysia. Disebabkan realiti inilah maka ramai warga Bangladesh mempunyai kecekapan asas dalam bahasa Melayu sebagai syarat berkomunikasi untuk berkerja di Malaysia sebagai sebuah negara destinasi untuk mencari rezeki. Kajian ini dijalankan dengan responden yang terdiri daripada peniaga warga Bangladesh di sekitar Kuala Lumpur. Penglibatan mereka dalam perniagaan dipengaruhi oleh kemahiran berbahasa Melayu sehingga membawa mereka kekal dalam perniagaan yang diceburi. Sehubungan itu satu kajian yang lebih mendalam perlu dilakukan untuk melihat lebih lanjut kepentingan kecekapan migran warga Bangladesh menggunakan bahasa Melayu untuk menjalankan perniagaan.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

- i. Mengkaji hubungan tahap pendidikan dengan persepsi kecekapan bahasa Melayu dalam kalangan peniaga warga Bangladesh.
- ii. Menilai kepentingan penggunaan bahasa Melayu di kalangan peniaga warga Bangladesh dalam urusan perniagaan.

## **METODOLOGI**

Kajian telah dijalankan pada bulan Jun hingga November 2019 di sekitar Lembah Klang bagi mengkaji persepsi kecekapan bahasa Melayu dalam kalangan peniaga warga Bangladesh. Dapatan yang diperolehi daripada kajian memfokuskan kepada dua perkara iaitu (1) hubungan tahap pendidikan dengan kecekapan bahasa Melayu melalui aspek bertutur, membaca dan menulis dan (2) kepentingan penggunaan bahasa Melayu dalam urusan perniagaan migran warga Bangladesh. Kajian juga turut melihat persepsi kecekapan dengan tahap pendidikan yang mereka perolehi di negara Bangladesh. Sistem pendidikan di negara Bangladesh mempunyai 5 peringkat, iaitu sekolah rendah (pra-sekolah rendah dan sekolah rendah), sekolah menengah (Sekolah pendidikan junior, sekolah menengah dan sekolah menengah atas atau Sijil) seterusnya peringkat Diploma, Ijazah, Master dan PhD (Chowdhury, Sarkar, Mojumder & Roshid, 2018).

Kajian migran warga asing sering kali menghadapi pelbagai masalah terutama kepada para penyelidik. Masalah utama yang dihadapi oleh para penyelidik ialah kekurangan data migrasi yang pada kebiasaannya tidak lengkap atau diklasifikasikan sebagai data sulit. Bilangan responden yang terhad dikenal pasti kerana

**Kajian Persepsi Kecekapan Berbahasa Melayu Dalam Kalangan Warga Asing Bangladesh Yang Terlibat Dalam Sektor Perniagaan**

tiada statistik rasmi bagi bilangan pengusaha perniagaan melibatkan warganegara Bangladesh memandangkan mereka tidak dibenarkan untuk membuat pendaftaran perniagaan.

Kajian ini menggunakan pendekatan *mixed methodology* yang dijalankan ke atas 66 orang migran warga Bangladesh. Seramai 56 orang responden menggunakan instrumen borang soal selidik secara *Purposive Sampling* manakala 10 orang informan menggunakan kaedah kualitatif melalui temu bual mendalam (*in-Depth Interview*) bagi mendapatkan maklumat terperinci yang tidak mungkin diperolehi daripada kaji selidik berdasarkan borang soal selidik. Ini kerana terdapat kelemahan dalam borang soal selidik yang mempunyai skop soalan dan jawapan yang agak kecil berbanding kaedah temu bual mendalam yang lebih luas. Responden-responden ini diperolehi dari beberapa kawasan di sekitar Lembah Klang, antaranya Digital Mall di Petaling Jaya, Jalan Burma di Kuala Lumpur, Kompleks Low Yat dan Pusat Pemborong Kenanga di Kuala Lumpur. Pemilihan lokasi kajian juga dipilih berdasarkan maklumat oleh orang ramai yang dikatakan mempunyai ramai peniaga warga negara asing di kawasan-kawasan tersebut. Secara ringkasnya, kaedah campuran ini sangat efektif untuk membantu pengkaji memahami fenomena penghijrahan pengusaha perniagaan migran warga Bangladesh dengan lebih jelas (Fee & Rahman, 2014; Lian, Rahman & Alas, 2016).

Seterusnya, dalam mendapatkan 56 orang responden bagi menjawab borang soal selidik, teknik temu bual telah digunakan dengan cara penemubual akan membacakan soalan dan merekodkan jawapan responden yang diberi berdasarkan borang soal selidik. Hal ini kerana terdapat pengusaha perniagaan warga Bangladesh yang tidak mahir membaca kerana perbezaan bahasa. Temu bual dibuat oleh pelajar universiti warga tempatan yang mempunyai latar belakang berbeza daripada pengusaha perniagaan Bangladesh. Perbezaan ini perlu diambil kira dalam interpretasi data bagi mengelak implikasi kecenderungan berpihak ketika memberi maklum balas kerana wujud kebimbangan oleh pengusaha perniagaan yang berniaga tanpa lesen sewaktu temu bual dijalankan. Borang soal selidik mengandungi 3 bahagian, iaitu bahagian A mengenai demografi responden mengandungi 5 jenis soalan, bahagian B tentang persepsi kecekapan Bahasa Melayu mereka mengandungi 24 soalan mengandungi persepsi mereka tentang 1) percakapan, 2) membaca dan 3) menulis dan seterusnya bahagian C mengenai penggunaan bahasa Melayu mereka dalam perniagaan mereka sebanyak 12 soalan.

Data yang diperolehi daripada borang kaji selidik telah diproses dengan menggunakan kaedah analisis *thematic* dan *cross-tabulation*. Hasil dapatan berbentuk peratusan dipaparkan melalui graf dan jadual. Kajian perbandingan berdasarkan tahap pendidikan dilakukan untuk melihat persepsi kecekapan berbahasa Melayu

dalam kalangan warga Bangladesh, di samping turut menganalisis kepentingan bahasa Melayu sebagai strategi kejayaan dalam bidang perniagaan yang diceburi oleh pengusaha perniagaan warga Bangladesh.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**


Menurut Irwin (1996) serta Samovar, Porter dan McDaniel (2012) komunikasi antara budaya mempunyai banyak cabaran memandangkan wujud generalisasi yang mengelaskan bahasa berdasarkan negara, bangsa atau sesuatu etnik. Namun situasi ini dapat diatasi melalui penggunaan satu bahasa yang sama dan boleh difahami oleh kedua-dua belah pihak. Menurut Sultana (2009) negara Malaysia mempunyai ramai pekerja asing dari pelbagai negara, bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pertuturan dengan pekerja asing daripada negara-negara lain. Memandang kepentingan mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa pengantaraan dalam kalangan warga asing untuk tujuan memudahkan urusan hidup di negara destinasi, maka suatu kajian untuk melihat persepsi kecekapan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi utama di Malaysia dalam kalangan peniaga warga Bangladesh dilaksanakan.

### **Hubungan Tahap Pendidikan Dengan Persepsi Kecekapan bahasa Melayu**

Mempelajari bahasa asing sebagai bahasa kedua merupakan sesuatu yang sukar dilaksanakan. Inilah situasi yang dihadapi oleh warga Bangladesh yang perlu mempelajari bahasa Melayu untuk tujuan survival di negara Malaysia. Status pendidikan selalu dijadikan pengukur kepada tahap keupayaan seseorang individu untuk mencapai suatu matlamat. Kajian ini ingin melihat hubungan tahap pendidikan warga Bangladesh dengan persepsi kecekapan mereka dalam berbahasa Melayu sebagai medium komunikasi utama yang digunakan di Malaysia. Melalui prospek pendidikan juga, kajian akan membuktikan sama ada status pendidikan yang diperolehi membantu mereka dalam proses mempelajari bahasa Melayu dengan cekap atau sebaliknya.

Carta 1 menunjukkan hasil kajian melalui 56 migran warga Bangladesh berdasarkan aspek pendidikan. Secara keseluruhan mendapati majoriti responden merupakan dari tahap pendidikan Sekolah Menengah iaitu sebanyak 27%, diikuti oleh tahap pendidikan Sijil dan Ijazah yang kedua-duanya adalah sebanyak 25%. Responden yang memiliki tahap pendidikan Master/PhD merupakan jumlah terendah iaitu sebanyak 7%. Walaupun ada di antara mereka yang memiliki tahap pendidikan yang tinggi dan berjaya bergraduasi di negara asal tetapi mereka masih tidak dapat memiliki pekerjaan disebabkan oleh kemiskinan. Oleh itu, keputusan untuk bermigrasi ke negara Malaysia merupakan peluang bagi mereka untuk meningkatkan kualiti hidup.






Carta 1: Latar belakang responden berdasarkan aspek pendidikan

Sumber: Kajian lapangan (2020)

Pada waktu yang sama, tahap pendidikan yang dimiliki peniaga warga Bangladesh juga memberi kelebihan kepada mereka untuk bercakap, menulis dan membaca dalam bahasa lain selain bahasa Benggali. Bagi peniaga warga Bangladesh sekurang-kurangnya di tahap pendidikan Sekolah Menengah, mereka mempunyai asas dalam bahasa Inggeris yang telah menggunakan abjad roman sama seperti yang digunakan dalam bahasa Melayu (Shah, Saidin, Taha, & Zeki, 2011). Asas tersebut memberi kelebihan dalam memudahkan mereka membaca abjad yang digunakan dalam bahasa Melayu dan membantu proses mengadaptasi bahasa Melayu sewaktu berkerja di negara Malaysia. Walau bagaimanapun, migran warga Bangladesh yang tidak mendapat pendidikan formal di sekolah sukar untuk mempelajari bahasa Inggeris (Sarker, 2016), sekali gus menyukarkan mereka untuk mempelajari tulisan bahasa Melayu.

Selain itu, terdapat juga pelajar warga Bangladesh yang menceburi bidang perniagaan semasa mahupun selepas tamat belajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di negara Malaysia. Kajian oleh Muniandy (2015a) mendapati ada pelajar institusi pengajian tinggi warga Bangladesh yang berniaga secara separuh masa di kawasan Bukit Bintang bagi menampung kos sara hidup di negara ini. Terdapat juga kajian mengenai warga Bangladesh yang pada asalnya masuk menggunakan pas pelajar seperti yang didapati di negara Jepun (Rahman & Lian, 2011) dan Korea (Fee & Rahman, 2014) menjalankan urusan perniagaan. Proses pembelajaran bahasa Melayu mereka banyak dibantu oleh tempoh masa pengajian di institusi pengajian tinggi. Kecekapan mereka dalam bahasa Melayu turut dipengaruhi oleh pergaulan bersama pelajar warga tempatan dan pihak kakitangan institusi. Ini secara tidak langsung dapat mewujudkan satu jaringan sosial yang baik serta peluang yang lebih cerah untuk membuka perniagaan di negara Malaysia.

Kebanyakan warga Bangladesh di Malaysia boleh bertutur dalam bahasa Melayu walaupun tidak sepenuhnya menguasai bahasa Melayu seperti warga tempatan tetapi cukup sekadar membantu kelangsungan hidup mereka. Hasil kajian seterusnya menunjukkan persepsi mereka dalam kecekapan bahasa Melayu.



Carta 2: Persepsi Kecekapan bahasa Melayu oleh Migran Bangladesh dari Aspek Bertutur

Sumber: Kajian lapangan (2020)

Merujuk kepada Carta 2 di atas, hasil kajian mendapati persepsi kecekapan bertutur peniaga warga Bangladesh dalam bahasa Melayu kategori baik adalah sebanyak 66% dengan majoriti dari tahap pendidikan ijazah. Bagi kategori sederhana adalah sebanyak 26% dengan majoriti dari tahap pendidikan sekolah menengah manakala kategori lemah pula adalah di tahap pendidikan sekolah rendah dan sijil/diploma. Walau bagaimanapun, hasil penilaian persepsi kecekapan bertutur oleh peniaga warga Bangladesh menunjukkan andaian bahawa rata-rata antara mereka berjaya merapatkan jurang komunikasi di negara Malaysia dengan mempelajari bahasa Melayu walaupun sehingga tahap sederhana.

Meskipun warga Bangladesh boleh bertutur dalam bahasa Melayu, tahap penguasaan mereka dalam penggunaan bahasa ini masih belum di tahap penguasaan sepenuhnya. Kajian ini seterusnya melihat kepada persamaan dan perbezaan dari segi fonologi bahasa Melayu dan bahasa Benggali, hal ini kerana bunyi pertuturan bahasa Melayu oleh penutur warga Bangladesh banyak dipengaruhi oleh bahasa Benggali. Tamzida dan Siddiqui (2013) pula telah membuat perbandingan bahasa Benggali dan bahasa Inggeris dari sudut fonologi.

Jadual 1: Perbandingan bahasa dari Aspek Vokal, Konsonan dan Diftong

Sumber: Tamzida & Siddiqui (2013)


<b>Bahasa</b>	<b>Vokal</b>	<b>Konsonan</b>	<b>Diftong</b>
<b>Bahasa Melayu</b>	6	27	3
<b>Bahasa Benggali</b>	14	40	17
<b>Bahasa Inggeris</b>	12	24	8

Jadual 1 menunjukkan perbandingan penggunaan fonologi dan kumpulan vokal serta konsonan bahasa Benggali dengan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris telah memudahkan pembelajaran bahasa asing oleh penuturnya. Perkara ini juga mempengaruhi perbezaan penghasilan bunyi oleh penutur Bangladesh bagi perkataan dalam bahasa Melayu. Ini kerana bahasa Benggali mempunyai 49 abjad dan boleh membentuk konsonan yang berbeza berbanding bahasa Melayu yang mempunyai sebanyak 26 abjad rumi yang disusun untuk membentuk perkataan. Kelebihan ini menyebabkan penutur bahasa Benggali mudah untuk belajar bertutur dalam bahasa asing seperti bahasa Inggeris (Anwar, 2019) dan ini juga turut menerangkan kelebihan percakapan dan kelemahan penulisan dalam bahasa Melayu kerana perbezaan abjad yang digunakan dalam kedua-dua bahasa dan fungsi abjad tersebut yang turut membentuk konsonan dan bunyi sebutan. Walaupun vokal bagi bahasa Benggali dan Inggeris hampir sama banyak, menurut Barman (2011), konsonan bagi bahasa Inggeris dan Benggali dikelaskan mengikut cara dan tempat artikulasi bagi mendapat satu cara sebutan yang sama melibatkan bibir, gigi, rabung alveolar, langit, velum dan glotis. Persamaan bagi gabungan vokal bahasa Melayu dengan bahasa Benggali turut membantu dalam penyebutan dan pemahaman bagi maksud 2 bahasa sebagai contoh 'dewa' (Bahasa Melayu) dan 'newa' (bahasa Benggali). Kajian oleh (Anwar, 2019) mendapati penutur bahasa Benggali akan cuba menyesuaikan perkataan dalam bahasa asing mengikut bunyi dalam bahasa Benggali untuk mempelajari penyebutan perkataan tersebut. Menurut beliau, penutur bahasa Benggali hanya perlu berlatih dan mengulang sebutan perkataan baru bagi meningkatkan kemahiran mereka dalam mempelajari bahasa asing. Melalui latihan dan penggunaan bahasa Melayu yang kerap, pengusaha migran ini akan dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik.

Dalam pada itu, kajian turut melihat bahawa migran warga Bangladesh yang menerima pendidikan bahasa Inggeris di sekolah didedahkan dengan penggunaan fonetik bahasa Inggeris yang boleh membantu mereka dalam berbahasa Melayu, terutamanya vokal yang hampir sama seperti 'a' = 'up' dengan 'awal', 'e' = 'bed' dengan 'emak', 'i' = 'igloo' dengan 'ikan', 'o' = 'opposite' dengan 'oleh' dan 'u' = 'unicorn' dengan 'ubat' (Azmi et al., 2016). Tambahan, ia juga turut dipengaruhi beberapa perkataan pinjaman bahasa Melayu

dalam bahasa Inggeris seperti komputer (*computer*), kartun (*cartoon*), akademik (*academic*), isu (*issues*) dan lain-lain. Tambahan lagi, proses mempelajari bahasa Melayu lebih mudah kerana bahasa Melayu juga banyak dipengaruhi oleh bahasa Arab. Ini memberi kelebihan kepada warga Bangladesh yang beragama Islam, sebagai contoh sebutan ‘salam’ membawa maksud bagi menyapa atau berjabat tangan, ‘insaf’ dengan ‘insapha’, ‘azan’ dengan ‘ajana’, ‘doa’ dengan ‘doa’ dan banyak lagi jika dikenal pasti dengan lebih lanjut.

Seterusnya, kajian juga turut melihat persepsi responden terhadap kecekapan membaca dalam Bahasa Melayu berdasarkan ukuran tahap pendidikan.



Carta 3: Persepsi Tahap Kecekapan Membaca dalam kalangan Responden


Sumber: Kajian lapangan (2020)

Merujuk kepada Carta 3, hasil kajian mendapati persepsi kecekapan membaca peniaga warga Bangladesh dalam bahasa Melayu kategori sederhana adalah sebanyak 41% dengan majoriti dari tahap pendidikan sekolah menengah, berbanding dengan kategori sederhana adalah sebanyak 37.5% dengan majoriti dari tahap pendidikan ijazah. Hal ini juga turut menunjukkan kebolehan warga Bangladesh yang cuba mempelajari untuk membaca dalam bahasa Melayu walaupun pada tahap yang sederhana, ini kerana penggunaan abjad yang sangat berbeza dengan bahasa Benggali (Lipi) yang dipengaruhi dari sistem penulisan Brahma.

Menurut Ajis et al. (2017) rata-rata Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) tidak tahu membaca melainkan bahasa ibunda. Kajian mendapati bahawa warga Bangladesh merasakan membaca bukanlah suatu keutamaan yang mereka perlu kembangkan berbanding bertutur yang menjadi asas keperluan untuk mereka berkomunikasi dengan warga tempatan. Membaca juga memerlukan latihan secara berkala dan kebanyakan

individu berminat dengan pembacaan apabila mereka merasakan ia berguna untuk mereka (Laily, 2018). Meskipun tahap pendidikan warga Bangladesh tidak sepenuhnya mempengaruhi kecekapan membaca dalam bahasa Melayu, namun pengalaman bekerja masa lalu yang memerlukan mereka untuk membaca memberi kesan terhadap kecekapan membaca walaupun hanya dengan pembacaan asas. Walaupun begitu, tahap kecekapan membaca oleh peniaga warga Bangladesh boleh ditingkatkan, kajian oleh Sabran (1991) mengatakan bahawa penguasaan dalam kemahiran bertutur mampu memberi kecekapan dalam aspek membaca.

Kajian seterusnya melihat kepada aspek terakhir iaitu persepsi kecekapan menulis dalam bahasa Melayu oleh peniaga warga Bangladesh berdasarkan tahap pendidikan.



Carta 4: Persepsi Tahap Kecekapan Penulisan bahasa Melayu dalam Kalangan Responden

Sumber: Kajian lapangan (2020)

Hasil kajian berdasarkan Carta 4 mendapati persepsi kecekapan menulis peniaga warga Bangladesh dalam bahasa Melayu adalah kategori lemah dengan jumlah sebanyak 42.8% dengan majoriti dari tahap pendidikan sekolah menengah, berbanding dengan kategori baik hanya sebanyak 26.7% dengan majoriti dari tahap pendidikan sijil/diploma. Walaupun warga Bangladesh pada tahap sekolah menengah mempunyai pendedahan tentang penggunaan abjad-abjad Roman Inggeris seperti yang diguna pakai dalam bahasa Melayu tetapi masih ada segelintir yang belum dapat menyesuaikan diri dengan menulis dalam bahasa Melayu berbanding bertutur. Sedangkan menurut Zakaria dan Abdullah (2014), mengatakan bahawa taraf pendidikan memberi kesan terhadap tahap kebolehan warga asing dalam menyebut dan mengingat suatu

perkataan sama ada cepat atau lambat, tambahan pula ia merupakan antara faktor yang boleh menjadi penentu kepada kejayaan dalam menguasai bahasa Melayu.

Kecekapan warga Bangladesh dalam aspek menulis bukanlah sesuatu yang mudah dipelajari memandangkan ia memerlukan kemahiran penguasaan abjad dan penggunaannya dalam tulisan. Menurut kajian Melai dan Abidin (2020), pelajar Bangladesh kerap melakukan kesalahan ejaan (ortografi) dengan menukarkan vokal 'a' dengan 'e' seperti 'pebna' (pernah), 'peluang' (peluang), 'keluaga' (keluarga), 'tunggu' (tunggu). Walaupun terdapat kesalahan dalam mengeja perkataan dalam bahasa Melayu tetapi pembaca masih boleh memahami perkataan yang ingin disampaikan oleh mereka. Selain itu, perbezaan antara abjad dalam bahasa Melayu dan Benggali mempunyai teknik cara penulisan yang berbeza, ia memerlukan pengawalan dan pergerakan tangan untuk mencipta satu demi satu abjad untuk membentuk perkataan. Tulisan bahasa Benggali tidak mempunyai abjad besar atau kecil, boleh tulis di sebelah kiri atau kanan atau di bawah konsonan dan sebahagiannya dalam bentuk graf mengikut gabungan konsonan, (*Script Source*). Kesungguhan warga Bangladesh mempelajari penulisan bahasa Melayu merupakan satu usaha yang perlu dihargai walaupun kecekapan mereka berada pada tahap yang sederhana.


Kajian lanjut mengenai persepsi kecekapan bahasa Melayu oleh pengusaha warga Bangladesh untuk mempelajari bahasa Melayu boleh dijalankan pada masa hadapan memandangkan penguasaan mereka adalah sederhana dalam pembacaan dan lemah dalam penulisan. Pengalaman kerja yang pernah diceburi oleh warga Bangladesh seperti dalam sektor pembinaan, pembuatan, perladangan dan pertanian yang memerlukan kemahiran kecekapan bertutur dalam bahasa Melayu telah memudahkan urusan harian mereka khususnya di tempat kerja bagi mengurangkan jurang komunikasi antara majikan dan rakan-rakan dari negara-negara lain. Selain itu, bagi pekerjaan melibatkan perkhidmatan seperti pengawal keselamatan, mereka memerlukan kemahiran menulis dan membaca khususnya untuk mengisi laporan harian. Kebanyakan daripada mereka juga sedaya upaya mempelajari bahasa Melayu atas kapasiti peranan suatu pekerjaan dan tawaran gaji yang ditawarkan oleh pihak majikan, seperti insentif kadar bayaran levi bagi pekerja asing bagi sektor pertanian dan perladangan adalah sebanyak RM650 manakala sektor perkhidmatan pula RM1,850 (Kementerian Dalam Negeri, 2017). Kajian oleh Fee dan Rahman (2014) mendapati bahawa kemahiran berbahasa Korea bagi migran warga Bangladesh turut membuka peluang pekerjaan sampingan sebagai penterjemah. Sementara itu, menurut Bloch (1995), kemahiran bahasa menjamin peluang pekerjaan bagi memastikan kejayaan dan perkembangan dalam kenaikan pangkat dan gaji, begitu juga dengan perniagaan dalam pelbagai konteks yang memerlukan kemahiran bahasa dan kepakaran yang lain (Wabenhorst, 1990).

Selain itu, kecekapan dalam 3 aspek kemahiran dalam bahasa Melayu ini juga didorong oleh faktor kehidupan harian mereka di Malaysia yang didedahkan dengan elemen praktis pancaindera mata (melihat), mulut (bercakap) telinga (mendengar) berbanding tangan (menulis). Menurut Grodzinsky dan Amunts (2006) saraf *arcuate fasciculus* penting dalam membawa kod-kod yang dilihat atau didengar oleh manusia. Hal ini bersangkut paut dengan rutin harian yang mereka jalani, seperti melihat papan tanda arahan di tempat kerja iaitu 'Dilarang Masuk', 'Keluar', 'Tandas', 'Tolak', 'Masuk' dan sebagainya. Ia juga turut dibantu oleh pendedahan di luar tempat kerja melalui papan tanda pengiklanan dan isyarat tanda jalan raya. Perkara ini sedikit sebanyak telah mengembangkan kecekapan dalam membaca. Pengulangan menggunakan praktis bercakap (mulut) dan melihat (mata) perkataan dengan mengeluarkan sebutan ejaan membantu mereka mempelajari bahasa Melayu dengan mudah. Lain pula dengan menulis (tangan) kerana tidak semua jenis pekerjaan memerlukan mereka untuk biasa dengan menulis apatah lagi di luar tempat kerja. Pendedahan menggunakan praktis menulis (tangan) tidak termasuk dalam rutin harian secara berulang melainkan mereka memilih sendiri untuk mempelajarinya. Melalui teori Behaviorisme yang diketengahkan oleh kajian Mazlina Baharuddin (2014), bahasa merupakan suatu tabiat atau kebiasaan dan ia memerlukan latihan agar berlaku proses rangsangan dan tindak balas melalui pembelajaran tersebut.

Walaupun penggunaan bahasa Melayu amat penting dipelajari oleh warga Bangladesh untuk berkomunikasi, persepsi mereka terhadap kecekapan dalam bertutur, membaca dan menulis merupakan satu nilai tambah pada diri mereka bagi mencapai matlamat perniagaan yang diceburi pada masa akan datang.

### **Penggunaan bahasa Melayu oleh Pengusaha Perniagaan Migran dalam Perniagaan**

Kajian ini seterusnya melihat kepada kepentingan penggunaan bahasa Melayu peniaga warga Bangladesh terhadap perniagaan yang mereka ceburi melalui komunikasi bersama pelanggan. Melalui Carta 5, hasil kajian mendapati bahawa majoriti daripada responden sangat setuju dan setuju bahawa kelemahan penggunaan bahasa Melayu menimbulkan masalah komunikasi dengan pelanggan dalam urusan perniagaan mereka. Hal ini bertepatan dengan negara Malaysia yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan sudah tentunya bahasa Melayu merupakan bahasa yang perlu dikuasai oleh migran warga Bangladesh, bahkan pelanggan juga merupakan kalangan warga tempatan. Namun begitu terdapat sebahagian kecil responden yang tidak bersetuju dengan kesan positif penggunaan bahasa Melayu dalam perniagaan mereka.



Carta 5: Kelemahan Penggunaan bahasa Melayu Menimbulkan Masalah Berkomunikasi dengan Pelanggan


Sumber: Kajian lapangan (2020)

Hasil kajian temubual mendalam mendapati bahawa majoriti responden sangat bersetuju dan bersetuju dengan penggunaan bahasa Melayu dapat (1) memudahkan interaksi bersama pelanggan, (2) meningkatkan hasil jualan dan (3) memudahkan urusan jual beli termasuk bersama pembekal. Perniagaan peruncitan, perkhidmatan dan pembekalan dalam skala kecil dan sederhana memerlukan kecekapan dalam bahasa Melayu yang baik agar memudahkan komunikasi urusan jual beli bersama pembeli. Perniagaan di lot kedai dan gerai memerlukan kecekapan bertutur dalam bahasa Melayu berbanding urus niaga atas talian yang memerlukan kemahiran kecekapan membaca serta menulis. Berbeza dengan kajian oleh Rahman & Lian, (2011), peniaga warga Bangladesh di negara Jepun mempunyai kemahiran bertutur, membaca dan menulis dalam bahasa Jepun. Kelebihan ini memberi peluang untuk mereka meneroka peluang perniagaan secara atas talian.

Menurut kajian yang dibuat oleh Azmi, et al., (2016), pengusaha perniagaan migran asing akan mengambil pekerja di kalangan rakyat tempatan bagi membantu mereka menguasai bahasa tempatan di Selatan Eropah. Realitinya, setiap migran warga asing yang bekerja di sesebuah negara perlu mengambil inisiatif untuk mempelajari bahasa ibunda negara tersebut bagi memudahkan kelangsungan hidup. Ini kerana tidak semua negara menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa dan menganggapnya penting.

Kajian juga turut melihat kepada penggunaan bahasa Melayu oleh migran warga Bangladesh dalam urusan transaksi perniagaan.





Carta 6: Penggunaan bahasa Melayu Memudahkan Transaksi Perniagaan

Sumber: Kajian lapangan (2020)

Berdasarkan Carta 6, hasil kajian ini mendapati bahawa majoriti responden sangat setuju (52%) dan setuju (41%) bahawa penggunaan bahasa Melayu memudahkan transaksi perniagaan mereka. Dapatan kajian membuktikan bahawa penggunaan bahasa Melayu sangat penting dalam kelangsungan perniagaan mereka. Malah ia juga mampu mengekalkan kedudukan mereka sebagai peniaga warga asing di negara Malaysia.

Perbezaan negara, budaya, agama, bangsa dan tahap pendidikan serta ekonomi akan mewujudkan jurang dalam komunikasi antara budaya (*Interculture*) bagi pengusaha perniagaan warga Bangladesh di Malaysia. Komunikasi antara budaya yang wujud dalam kalangan pengusaha perniagaan warga Bangladesh dengan pembekal semasa berurusan bersifat tidak formal. Kajian oleh Ibrahim dan Galt (2011) pula menyatakan tiada lagi jurang bahasa bagi pengusaha perniagaan migran dalam konteks negara barat memandangkan mereka kini adalah generasi kedua atau ketiga pengusaha migran asing. Perniagaan pengusaha migran asing akan berevolusi seperti mana kehadiran pekerja migran asing ke negara ini yang telah mempunyai beberapa generasi. Kekangan bahasa pada masa akan datang tidak lagi menjadi masalah untuk mereka meneroka peluang perniagaan yang lebih luas termasuk perniagaan transnasionl serta multinasional seperti pengusaha perniagaan migran yang terkenal di Amerika Syarikat iaitu Walt Disney, Avon, Estee Lauder dan Kraft (Moghaddam et al., 2018; Rahman dan Lian, 2011). Penguasaan sesuatu bahasa merupakan bonus kepada seseorang untuk mencapai matlamat hidup dan secara tidak langsung menjadi nilai tambah kepada hubungan yang baik bagi migran warga asing dengan sesuatu kelompok itu sendiri.

## KESIMPULAN

Kesimpulan yang boleh dibuat dalam kajian ini adalah tahap pendidikan yang dimiliki oleh warga Bangladesh mempunyai hubungan dengan persepsi kecekapan mereka dalam bahasa Melayu. Berdasarkan tahap pendidikan yang mereka miliki juga sedikit sebanyak membantu mereka mengadaptasi bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga untuk memudahkan kelangsungan hidup mereka di Malaysia. Pengalaman kerja yang lepas juga turut membantu mereka dalam mempertingkatkan kecekapan dalam bahasa Melayu melalui asimilasi bersama warga tempatan. Dalam konteks ini, kemahiran kecekapan dalam bahasa Melayu juga turut memberi peluang yang cerah dalam kerjaya mereka di Malaysia, lebih-lebih lagi dalam bidang perniagaan. Menyedari hakikat kedudukan peniaga warga Bangladesh yang masih kekal bertapak di negara Malaysia memperlihatkan bagaimana bahasa Melayu itu sangat penting dikuasai oleh warga asing sebagai bahasa perhubungan dalam penjana ekonomi mereka terutamanya yang berhasrat untuk mengembangkan kerjaya dan perniagaan mereka di Malaysia.

## RUJUKAN

- Abdul-Rashid, & Abdul-Aziz. (2001). Bangladeshi migrant workers in Malaysia's construction sector. *Asia-Pacific Population Journal*, 16(1), 3-22. doi:10.18356/e085943a-en
- Ajis, M. N., Zain, Z. M., Keling, M. F., Ahmad, U. A. & Zakuan (2017). Aktiviti penyeludupan migran dalam kalangan pendatang asing tanpa izin (PATI) di Malaysia. *Geografia, Malaysian Journal of Society Space*, 13(2), 13-25.
- Anwar, M. N. (2019). Learners problem in phonetics with the intelligibility at segmental and supra-segmental level. *Journal of Language Teaching and Research*, 10(3), 477-483. doi:10.17507/jltr.1003.10
- Azmi, M. N., Ching, L. T., Jamaludin, N. B., Ramli, M. N., Razali, M. H., Amram, M. A., & Jayakumar, K. A. (2016). The comparisons and contrasts between English And Malay languages. *English Review: Journal of English Education*, 4(2), 209-216. doi:10.25134/erjee.v4i2.335
- Baharudin, M. (2014). Pemerolehan dan penguasaan kecekapan berbahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing di Universiti Sains Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 134, 270-275. doi:10.1016/j.sbspro.2014.04.248
- Bangladesh Bureau of Statistics. (2018). *International Migrants from Bangladesh: Socio-economic and Regional Characteristics*. Dhaka.
- Barman, B. (2011). A contrastive analysis of English and Bangla phonemics. *Dhaka University Journal of Linguistics*, 2(4), 19-42. doi:10.3329/dujl.v2i4.6898

- Bloch, B. (1995). Career enhancement through foreign language skills. *International Journal of Career Management*, 7(6), 15-26. doi:<https://doi.org/10.1108/09556219510098073>
- Chowdhury, R., Sarkar, M., Mojumder, F., & Roshid, M. M. (2018). *Engaging in educational research: Revisiting policy and practice in Bangladesh*. Singapore: Springer
- Dang, N. A. (2003). "Internal Migration Policies in the ESCAP Region." *Asia-Pacific Population Journal*, 18(3).
- Dollah, R. K., & Abdullah, M. K. (2015). Serbuan, pengusiran dan krisis tenaga kerja di Malaysia: Dilema negara dan dasar tenaga kerja asing di Sabah. *Borneo Research Journal*, 9, 19-44. Retrieved from <https://borneojournal.um.edu.my/article/view/16708/9874>.
- Fee, L. K., & Rahman, M. M. (2014). From workers to entrepreneurs: Development of Bangladeshi migrant businesses in the Republic of Korea. *International Migration (IOM)*, 52(2), 122-139. doi:<https://doi.org/10.1111/j.1468-2435.2010.00680.x>
- Grodzinsky, Y., & Amunts, K. (2006). *Brocas region*. New York: Oxford University Press.
- Ibrahim, G., & Galt, V. (2011). Explaining ethnic entrepreneurship: An evolutionary economics approach. *International Business Review*, 20(6), 607-613. doi:10.1016/j.ibusrev.2011.02.010
- Irwin, H. (1996). *Communicating with Asia: Understanding people and customs* (1st ed.). London: Allen & Unwin Australia. doi:<https://doi.org/10.4324/9781003134763>
- Islam, S., & Miah, S. (2003). *Banglapedia: National encyclopedia of Bangladesh*. Dhaka: Asiatic Soc. of Bangladesh.
- Kanapathy, V. (2004). International migration and labour market development in Asia: Economic recovery, the labour market and migrant workers in Malaysia. Retrieved from [https://www.jil.go.jp/foreign/event/ko\\_work/documents/2004sopemi/2004sopemi\\_e\\_countryreport6.pdf](https://www.jil.go.jp/foreign/event/ko_work/documents/2004sopemi/2004sopemi_e_countryreport6.pdf)
- Kementerian Dalam Negeri. (2017, Disember 20). Kenyataan Media Kementerian Sumber Manusia: Pembayaran Levi Pekerja [Press release]. Retrieved from: [http://www.mohr.gov.my/pdf/PressStatement/20DISEMBER2017\\_bm.pdf](http://www.mohr.gov.my/pdf/PressStatement/20DISEMBER2017_bm.pdf)
- Laily, R. "The Analysis on Students' Difficulties in Doing Reading Comprehension Final Test." *Metathesis: Journal of English Language, Literature, and Teaching*, vol. 2, no. 2, 2018, p. 253., doi:10.31002/metathesis.v2i2.958.
- Lian, K. F., Rahman, M., & Alas, Y. B. (2016). *International migration in Southeast Asia: Continuities and discontinuities*. Singapore: Springer.

- Melai, Z., & Abidin, D. N. (2020). Pengajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing: Analisis pola kesalahan tatabahasa dalam penulisan. *Issues in Language Studies*, 9(1), 86-106. doi:10.33736/ils.2351.2020
- Moghaddam, K., Rustambekov, E., Weber, T. & Azarpanah, S. (2018). Transnational entrepreneurship, social networks, and institutional distance. *New England Journal of Entrepreneurship*, 21(1), 45-64. doi:10.1108/neje-03-2018-0005
- Muniandy, P. (2015a). Informality and the politics of temporariness: Ethnic migrant economies in Little Bangladesh and Little Burma in Kuala Lumpur, Malaysia. *International Sociology*, 30(6), 561-578. doi:10.1177/0268580915605649
- Muniandy, P. (2015b). *Politics of the temporary: An ethnography of migrant life in urban Malaysia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Portal Data Terbuka Malaysia: *Statistik Asing Mengikut Warganegara dan Sektor* (Jun 2019). Retrieved from [https://www.data.gov.my/data/ms\\_MY/dataset/statistik-pekerja-asing-terkini-mengikut-warganegara-dan-sektor/resource/2dbfe8e7-4ace-4371-ad97-6c1173af476f](https://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/statistik-pekerja-asing-terkini-mengikut-warganegara-dan-sektor/resource/2dbfe8e7-4ace-4371-ad97-6c1173af476f).
- Rahman, M. M., & Lian, K. F. (2011). The Development of Migrant Entrepreneurship in Japan: Case of Bangladeshis. *Journal of International Migration and Integration / Revue De L'integration Et De La Migration Internationale*, 12, 253-274. doi:10.1007/s12134-010-0158-0
- Samovar, L. A., Porter, R. E., & McDaniel, E. R. (2012). *Intercultural communication: A reader*. Boston, MA: Wadsworth Cengage Learning.
- Sarker, R. (2015). Migration and employment: A study of Bangladeshi male migrant workers in Malaysia. *International Migration in Southeast Asia Asia in Transition*, 125-148. doi:10.1007/978-981-287-712-3\_7
- ScriptSource, Bengli (Bangla), Retrieved: [scriptsource.org/cms/scripts/page.php?item\\_id=script\\_detail&key=Beng&sort\\_writing\\_system\\_entries\\_gen=wrSys\\_displayCode](https://scriptsource.org/cms/scripts/page.php?item_id=script_detail&key=Beng&sort_writing_system_entries_gen=wrSys_displayCode)
- Shah, A., Saidin, A. Z., Taha, I. F., & Zeki, A. M. (2011). Frequencies determination of characters for Bahasa Melayu: Results of Preliminary Investigations. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 27, 233-240. doi:10.1016/j.sbspro.2011.10.603
- Skeldon, R. (1997). "Rural-to-urban migration and its implications for poverty alleviation." *Asia-Pacific Population*, 12(1), 3-16.
- Soysal, Y. N. (2007). *Limits of citizenship: Migrants and postnational membership in Europe*. Chicago: Univ. of Chicago.
- Sultana, N. (2009). *Bangladeshi diaspora in Malaysia, the: Organizational structure, survival strategies and networks*. Malaysia: Lit Verlag Germany.

- Tamzida, A., & Siddiqui, S. (2013). A synchronic comparison between the vowel phonemes of Bengali & English phonology and its classroom applicability. *Stamford Journal of English*, 6, 285-314. doi:<https://doi.org/10.3329/sje.v6i0.13919>
- Uddin, M. S., & Mohamed, A. A. (2020). Exploration of migrants' social life: A case study on Bangladeshi temporary contract worker's in Malaysia. *International Journal of Human Resource Studies*, 10(1), 186-200. doi:<https://doi.org/10.5296/ijhrs.v10i1.16172>
- Ullah, A. K. (2016). *Rationalizing migration decisions: Labour migrants in East and South-East Asia*. London: Taylor and Francis.
- United Nations, Department of Economic and Social Affairs. (2015). *International Migration Report* [Press release]. Retrieved from [https://www.un.org/en/development/desa/population/migration/publications/migrationreport/docs/MigrationReport2015\\_Highlights.pdf](https://www.un.org/en/development/desa/population/migration/publications/migrationreport/docs/MigrationReport2015_Highlights.pdf)
- Wabenhorst, H. P. (1990). *The potential and the importance of the German language for Australian business: Paper presented on the occasion of the MLTAV congress, German program in Melbourne on May 26, 1988*. Melbourne: Goethe Institut.
- Zakaria, K., & Abdullah, T. (2014). Mengajar bahasa Melayu kepada penutur asing dan cabarannya: Pengalaman di Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia. *Professional Development of Education*, 148-154. Retrieved from [http://umkeprints.umk.edu.my/2902/1/Mengajar Bahasa Melayu Kepada Penutur Asing dan C.pdf](http://umkeprints.umk.edu.my/2902/1/Mengajar_Bahasa_Melayu_Kepada_Penutur_Asing_dan_C.pdf)
- Zolkafli@Zulkifly, U. K. (2019). *Buruh binaan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.